

Submission date: 07/05/2020

Accepted date: 08/8/2020

**ANALISA PERSPEKTIF KEPENTINGAN AKTA PROFESION KERJA  
SOSIAL DI MALAYSIA***The Perspective of Significance of the Social Work Professionals Act in Malaysia*Samir Muhazzab Amin<sup>a</sup>, Mohd. Suhaimi Mohammad<sup>b</sup> & Muhd. Dhamir  
Audi Azizul<sup>a</sup><sup>a</sup>Universiti Putra Malaysia<sup>b</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia

samir\_upm@yahoo.com

**Abstrak**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan memperkenalkan Akta Profesion Kerja Sosial di Malaysia. Artikel ini membincangkan tentang perspektif kepentingan kewujudan akta profesion kerja sosial di Malaysia. Kajian ini berbentuk kualitatif melalui kaedah temu bual bersemuka terhadap Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 - 48) yang berkhidmat di Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Institut Sosial Malaysia. Pemilihan sampel dilakukan melalui teknik persampelan bertujuan dan data telah dianalisis menggunakan analisis tematik. Perspektif yang diutarakan adalah akta mengukuhkan keadilan sosial, membantu melakukan praktis, membantu menguruskan permasalahan sosial, mengukuhkan program pendidikan kerja sosial, dan mengawal selia kelayakan jawatan pekerja sosial. Artikel ini mendapati bahawa inisiatif pelbagai pihak dalam mengukuhkan keberkesanan akta profesion kerja sosial wajar untuk memastikan akta berfungsi sebagai agen utama kemajuan profesion kerja sosial di Malaysia.

Kata kunci: Akta Kerja Sosial, Kerja Sosial, Pekerja Sosial, Perkhidmatan Sosial, Undang-Undang Kerja Sosial.

**Abstract**

The Ministry of Women, Family and Community Development will introduce the Social Work Professionals Act in Malaysia. This article discusses the perspective of significance of the social work profession act in Malaysia. This study is a qualitative study using face-to-face interviews among Management and Professional Groups

(Grades 41 - 48) in the Department of Social Welfare and the Malaysian Social Institute. Sample selection was carried out through purposive sampling technique and data were analyzed using thematic analysis through an inductive approach that focused on coding to obtain key themes. Their perspectives include the act of strengthening social justice, helping with practical practice, helping to manage social issues, strengthening social work education programs, and regulating social work eligibility. This article found that a multi-party initiative to strengthen the effectiveness of the social work profession is necessary to ensure that it acts as a main agent of the development of the social work profession in Malaysia.

**Keywords:** Social Service, Social Work, Social Worker, Social Work Act, Social Work and the Law.

## **LATAR BELAKANG**

Pendidikan kerja sosial telah bermula semenjak awal abad ke-20 di negara-negara Barat seperti Amerika Syarikat, England dan Kanada, dan kemudiannya telah berkembang menjadi sebahagian daripada sistem pendidikan tinggi di seluruh dunia. Di penghujung abad ke-21 penekanan kepada globalisasi dan pengantarabangsaan telah membawa kesedaran tentang kepentingan pendidikan kerja sosial dan dalam masa yang sama telah meningkatkan cabaran kepada pendidikan kerja sosial itu sendiri. Pembangunan pendidikan kerja sosial bukan lagi setakat melihat kuantiti program yang ditawarkan, tetapi kemampuannya untuk membangunkan program berdasarkan piawai kebangsaan yang responsif kepada perubahan-perubahan yang berlaku dan dalam masa yang sama sensitif kepada konteks budaya masyarakat. Di Malaysia, kerajaan telah menubuhkan *Joint Consultative Council on Social Work Education* (JCCSWE) pada tahun 2000 bagi membentuk Draf Polisi dan Piawai Kebangsaan Untuk Pendidikan Kerja Sosial (JCCSWE 2000). JCCSWE merupakan jawatankuasa yang dibentuk secara formal bagi mengenal pasti bilangan program kerja sosial yang ditawarkan oleh universiti di Malaysia. Penubuhan JCCSWE bertujuan membantu pihak universiti menyelaraskan kurikulum kerja sosial. JCCSWE melantik pakar-pakar bidang kerja sosial yang berada di universiti menyediakan garis panduan untuk universiti yang ingin menawarkan program kerja sosial di universiti awam. Walau bagaimanapun setelah 20 tahun JCCSWE ditubuhkan sehingga hari ini, program pendidikan kerja sosial di Malaysia tidak berupaya untuk mempunyai piawaiannya yang khusus. Penawaran program kerja sosial hanya bergantung kepada piawai yang berada dibawah bidang kuasa Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Bagi menangani permasalahan ini, pada 23 April 2010, memorandum jemaah menteri telah meluluskan cadangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat menggubal Akta Kerja

Sosial. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan penyampaian intervensi Kerja Sosial dalam menangani masalah sosial yang semakin kompleks dan mencabar. Tetapi, sehingga hari ini selepas 20 tahun JCCSWE ditubuhkan dan 10 tahun Jemaah Menteri meluluskan pengubalan Akta Kerja Sosial, bidang Kerja Sosial hari ini masih lagi bergerak tanpa mempunyai aktanya yang khusus. Menurut Abbot (1988), bidang kuasa adalah sangat penting dalam bidang kerja sosial. Tanpa wujudnya bidang kuasa yang jelas, sukar untuk bidang Kerja Sosial dibezakan dengan bidang perkhidmatan sosial yang lain. Sebagai bidang profesional, adalah sangat penting bidang kerja sosial mempunyai akta yang menggariskan bidang kuasa yang khusus bagi melindungi profesion ini. Oleh itu, kertas kajian ini akan membincangkan isu kepentingan akta profesion kerja sosial yang merupakan salah satu permasalahan dalam pendidikan kerja sosial di Malaysia.

## **PENGENALAN**

Jabatan Kebajikan Masyarakat (2017) menyatakan kerja sosial adalah aktiviti profesional berlandaskan prinsip, nilai, etika, pengetahuan, kemahiran dan kaedah kerja sosial bagi membantu individu, keluarga, kumpulan serta komuniti untuk mengembalikan kefungsi sosial. Manakala berpandukan definisi daripada International Federation of Social Workers (IFSW) dan International Association Schools of Social Work (IASSW) General Assembly (2014) kerja sosial adalah sebuah profesion yang berpandukan praktis dan disiplin akademik serta menggalakkan perubahan dan pembangunan sosial, perpaduan sosial, pemerksaan serta kebebasan rakyat. Prinsip keadilan sosial, tanggungjawab kolektif, hak asasi manusia, dan menghormati kepelbagaian sangat bertepatan dengan kerja sosial. Melalui aplikasi dan kefahaman oleh teori-teori kerja sosial, sains sosial, kemanusiaan dan pengetahuan sebenar, kerja sosial jelas melibatkan manusia dan struktur dalam menangani cabaran kehidupan dan meningkatkan kesejahteraan. Perkembangan kerja sosial di Malaysia telah dibuktikan melalui institusi pengajian tinggi secara formal pada tahun 1975 apabila Universiti Sains Malaysia (USM) menubuhkan program kerja sosial untuk memastikan pegawai kebajikan menerima latihan profesional. Sehingga hari ini, terdapat enam buah universiti awam di Malaysia yang menawarkan program kerja sosial pada peringkat ijazah sarjana muda dan pasca ijazah.

Walau bagaimanapun, di Malaysia isu berkenaan akta kerja sosial merupakan persoalan yang kerap kali dibincangkan dan masih lagi di dalam rangka kerja untukewartakan akta tersebut. Umumnya, Malaysia telah mencapai kemerdekaan lebih daripada 50 tahun dan pendidikan kerja sosial telah mula bertapak pada awalnya di Universiti Sains Malaysia lebih empat dekad namun bidang kerja sosial di Malaysia tidak mempunyai akta dan polisi yang khusus. Di samping itu, pada tahun 2003 kerajaan Malaysia telah melancarkan Dasar Sosial Negara sebagai dasar

pembangunan sosial yang bertunjangan nilai-nilai murni dan peningkatan keupayaan insan bagi mencapai kesepaduan dan kestabilan sosial, ketahanan nasional dan kesejahteraan hidup masyarakat Malaysia yang maju dan mantap. Melalui dasar ini, setiap individu, keluarga dan komuniti tanpa mengira kumpulan etnik, agama, budaya, jantina dan fahaman politik serta wilayah berupaya menyumbang kepada arus pembangunan negara serta menikmati kesejahteraan hidup secara berterusan. Objektif yang ditumpukan dalam Dasar Sosial Negara ini merupakan pencetus kepada pembangunan pendidikan kerja sosial di Malaysia. Namun, setelah 15 tahun dasar ini diperkenalkan, kerja sosial di Malaysia masih tidak mempunyai akta kerja sosial sebagai kuasa perundangan untuk mengawal selia pembangunan kerja sosial di Malaysia. Menurut MacDonald (2010) sebagai sebuah profesion, kerja sosial perlu mempunyai akta yang khusus bagi menjaga kepentingan profesion. Beliau menjelaskan bahawa akta kerja sosial perlu bersifat menyeluruh yang mencakupi aktiviti praktis dan juga pendidikan. Tanpa dasar dan akta yang jelas pendidikan kerja sosial bukan sahaja gagal untuk memenuhi piawai antarabangsa tetapi menimbulkan kekeliruan masyarakat terhadap profesion yang dilaksanakan ini (Crabtree 2005). Profesion kerja sosial sewajarnya mempunyai akta yang mampu bertindak sebagai kuasa perundangan untuk mengawal kualiti perkhidmatan dan memberi perhatian kepada pembangunan pendidikan kerja sosial.

Perkembangan terkini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bakal membentangkan Akta Profesion Kerja Sosial di dewan rakyat sebagaimana yang telah dinyatakan pada Disember 2019. Melalui rang undang-undang tersebut, keberkesanan perkhidmatan pekerja sosial sangat bertepatan dengan cabaran masalah sosial yang semakin kompleks mutakhir ini. Melalui usaha oleh KPWKM dalam mewujudkan Akta Profesion Kerja Sosial, sedikit sebanyak berupaya membuka minda masyarakat dan pihak pentadbiran tertinggi dalam memperkenalkan kerja sosial sebagai profesion yang menyumbang kepada pembangunan manusia sejagat. Tambahan pula, berpandukan Pelan Strategik Kerja Sosial yang dibangunkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (2018-2020) dan perkara yang terdapat dalam Memorandum Jemaah Menteri bertarikh 23 April 2010 yang bertajuk “Meningkatkan Profesionalisme dalam Bidang Kerja Sosial di Malaysia, penekanan terhadap amalan kerja sosial untuk dikawal selia melalui penggubalan Akta Pekerja Sosial turut diperhalusi. Keadaan ini menggambarkan bahawa kerajaan sangat serius dalam melihat keberkesanan perkhidmatan profesion kerja sosial ini. Oleh itu, artikel ini akan membincangkan tentang perspektif kepentingan akta profesion kerja sosial di Malaysia daripada pandangan Kumpulan Pengurusan dan Profesional di Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Institut Sosial Malaysia.

## **JUSTIFIKASI KEPENTINGAN AKTA KERJA SOSIAL**

Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan akta sebagai undang-undang tentang sesuatu hal yang telah diluluskan oleh parlimen. Undang-undang memainkan beberapa peranan penting dalam amalan kerja sosial. Merujuk kepada Barsky (2015) penubuhan akta kerja sosial mempunyai beberapa kepentingan dalam profesion kerja sosial. Sistem undang-undang adalah sangat penting dalam persekitaran sosial klien kerana mereka terlibat dalam sistem perundangan seperti perlindungan kanak-kanak, keadilan jenayah, dan keadilan pentadbiran. Pengenalan akta kerja sosial memberikan banyak kepentingan kepada beberapa pihak. Melalui penubuhan akta ini klien sentiasa dilindungi dan mutu perkhidmatan sosial akan menjadi lebih cekap. Di dalam bahagian ini, kepentingan akta kerja sosial dapat dilihat dalam tiga dimensi utama iaitu perkaitan undang-undang dengan profesion kerja sosial secara umum, akta berupaya menjadi punca kuasa kepada profesion, dan akta memandu kepada amalan profesion.

Melalui dimensi pertama iaitu perkaitan undang-undang dengan profesion kerja sosial secara umum, keadaan ini menyatakan sebuah bidang kuasa dalam mengawal selia profesion kerja sosial di Malaysia wajar diwujudkan. Contohnya, profesion jururawat mempunyai sebuah lembaga yang mengawal selia aktiviti perkhidmatan jururawat dan lembaga jururawat merupakan pihak yang mengeluarkan lesen kepada individu untuk bekerja dalam profesion tersebut. Di samping itu, undang-undang juga akan menghuraikan dengan teliti tatacara bagaimana sesebuah profesion itu berkhidmat. Profesion kerja sosial juga wajar mempunyai akta tersendiri di Malaysia. Hal ini demikian kerana akta mentadbir hubungan dengan pekerja sosial termasuk penyewa dan tuan tanah, majikan dan pekerja, doktor dan pesakit, ibu bapa dan anak, dan sebagainya. Oleh itu, pengetahuan undang-undang harus difahami dengan jelas melalui teoritikal dan praktikal tentang hak dan tanggungjawab klien dalam pelbagai hubungan sosial. Di samping itu beberapa lokasi seperti hospital, sekolah, institusi pemulihan, dan agensi sosial lain sudah tentu dikawal oleh undang-undang khusus organisasi tersebut. Undang-undang khusus organisasi berupaya menentukan individu yang layak untuk menyalurkan perkhidmatan, piawaian untuk penyimpanan rekod, kerahsiaan, dan hak-hak klien. Pekerja sosial perlu memahami undang-undang ini untuk memastikan agensi mereka mematuhi undang-undang dan dapat menyokong perubahan dalam undang-undang untuk menggalakkan keadilan sosial dan ekonomi yang lebih besar.

Profesion kerja sosial itu sendiri juga diatur oleh pelbagai undang-undang yang merangkumi etika dan nilai. Malahan sesetengah negara juga mempunyai undang-undang pelesenan atau akreditasi yang mengawal amalan praktis kerja sosial, termasuk individu yang diberi kuasa untuk menjalankan amalan praktis secara sah. Pekerja sosial juga harus sedar tentang undang-undang yang bakal dikenakan terhadap

mereka apabila mereka menjalankan tugas profesional yang mengancam diri klien. Tidak ketinggalan juga, tugas sebagai seorang pekerja sosial juga terlibat dalam hal ehwal forensik, menyediakan siasatan, penilaian, keterangan pakar, dan rawatan untuk klien. Oleh hal yang demikian, pekerja sosial perlu mengetahui undang-undang, keterangan dan semua bentuk hukuman untuk membuat laporan akhir. Di sini, pekerja sosial memiliki kuasa dan tugas untuk melakukan pekerjaan mereka dengan baik sebagai pekerja sosial profesional. Oleh itu, pekerja sosial tanpa pengetahuan undang-undang tidak boleh berkhidmat dengan berkesan untuk memenuhi keperluan klien mereka.

Kepentingan akta profesion kerja sosial juga boleh dilihat sebagai punca kuasa kepada kerajaan, universiti, NGO serta pekerja sosial persendirian untuk melaksanakan tugas dan perkhidmatan dalam pelbagai peringkat. Akta boleh menjadi punca kuasa sekiranya ianya dibangunkan spesifik untuk profesion tersebut. Akta kerja sosial berupaya untuk menjadi punca kuasa kepada kerajaan tempatan untuk melaksanakan pelbagai aktiviti perkhidmatan seperti aktiviti kebajikan yang berkaitan dengan profesion kerja sosial. Skop aktiviti profesion kerja sosial dilihat lebih luas dan peranan yang dilaksanakan oleh kerajaan akan menyebabkan profesion ini dikenali umum. Tambahan pula, tanggapan profesion kerja sosial ini sebagai aktiviti kebajikan semata-mata mampu untuk dikikis dalam minda masyarakat. Akta profesion kerja sosial juga berupaya untuk menjelaskan bahawa segala tugas dan perkhidmatan tidak bertindih dengan pelbagai agensi sosial yang lain serta dilihat sebagai medium khas untuk memperkasakan amalan profesion ini di sesebuah negara.

Selain itu, akta kerja sosial juga berupaya menjadi punca kuasa kepada universiti untuk menyediakan program pengajian kerja sosial kepada pelajar. Program pengajian kerja sosial di peringkat ijazah sarjana muda dan pasca siswazah dilihat mempunyai kepelbagaian dalam aspek penawaran jam kredit, penyeliaan tempoh praktikal, jumlah kursus dalam silibus pengajian, dan sebagainya. Di sini, kita boleh melihat akta profesion kerja sosial berupaya untuk menjadikan penawaran program pengajian kerja sosial seragam dalam pelbagai sudut dengan universiti-universiti lain. Keseragaman dalam penawaran program pengajian kerja sosial membuktikan sesebuah negara itu jelas dalam membentuk skop profesion kerja sosial serta mempunyai acuan tersendiri dalam memastikan profesion kerja sosial memenuhi keperluan sesebuah negara itu. Di samping itu akta profesion kerja sosial juga berupaya untuk menjadi punca kuasa kepada NGO serta pekerja sosial persendirian untuk melaksanakan program di peringkat dasar. NGO dan pekerja sosial persendirian juga mempunyai faedah melalui akta ini kerana dapat membantu menjelaskan lagi prospek, aktiviti, dan perkhidmatan profesion kerja sosial. Merujuk kepada keadaan di Malaysia, JKM sudah mula menumpukan kepada skop tugas pekerja sosial iaitu pengurusan kes kepada kumpulan sasar. Tambahan lagi, KPWKM telah mula berbincang dengan Jabatan Perkhidmatan

Awam (JPA) agar perkara ini dapat diselesaikan di samping meningkatkan kolaborasi bersama badan bukan kerajaan (NGO) dalam memastikan kumpulan sasar menerima perlindungan sewajarnya. Akta profesion kerja sosial juga wajar diiktiraf dan mempunyai perkaitan dengan CPD atau *Continuous Program Development*. Apabila NGO menyediakan peluang kerjaya dan penawaran sumber manusia serta IPT menawarkan program akademik, maka kita boleh melihat perkaitan di antara kedua-dua pihak tersebut dalam bidang kerjaya.

Kepentingan akta profesion kerja sosial juga boleh dilihat sebagai medium untuk memandu kepada amalan profesion. Umum mengetahui, akta merupakan perkara yang termaktub berkenaan apa yang boleh dilakukan atau tidak boleh dilakukan menurut undang-undang. Oleh itu, apabila terdapat segelintir individu yang melanggar undang-undang maka akta berkuasa untuk mengenakan tindakan terhadap tingkah laku individu tersebut. Menurut Albert (1986) undang-undang adalah permulaan dan penamat dalam sebarang tindakan dan Stevenson (1976) menyatakan kewajipan memahami etika penjagaan adalah imej utama dalam kerja sosial. Di samping itu, kompetensi dalam amalan memerlukan kedua-dua pengiktirafan iaitu aplikasi undang-undang dan juga kemahiran penilaian yang berpandukan oleh nilai, pengetahuan, teori dan amalan kerja sosial. Ralph (2012) turut menyatakan terdapat pelbagai cara di mana undang-undang mempengaruhi amalan kerja sosial. Undang-undang membenarkan pembayaran untuk perkhidmatan tertentu. Sebagai contoh, pekerja sosial yang bekerja di agensi atau institusi akan menerima gaji mahupun bayaran, tetapi jika pembayaran tidak dilaksanakan maka pekerja sosial wajar menuntut pembayaran dari agensi tersebut.

Undang-undang juga mengarahkan bahawa perkhidmatan sosial tertentu disediakan bagi semua individu yang memerlukan. Contohnya pekerja sosial boleh mencadangkan kepada kerajaan sekiranya kerajaan gagal menyediakan perkhidmatan seperti air bersih, kemudahan awam yang selamat dan sebagainya. Selain itu, pekerja sosial profesional juga boleh terlibat dalam beberapa aktiviti yang tidak pernah dilakukan oleh pihak berwajib (Ralph, 2012). Contohnya, pekerja sosial boleh memberikan pinjaman pendidikan kepada pelajar yang kurang berkemampuan. Di samping itu, Steiner (2008) menyatakan akta adalah komponen penting dalam amalan kerja sosial. Majoriti pekerja sosial bekerja di agensi berkanun seperti pihak berkuasa tempatan di mana setiap tindakan harus didasarkan kepada kuasa yang diberikan kepadanya. Sebagai contoh, pekerja sosial yang bekerja di agensi kebajikan sosial bekerja mengikut peruntukan undang-undang seperti yang diarahkan oleh pihak berkuasa. Pekerja sosial juga wajar memahami struktur sesebuah agensi di mana mereka dikehendaki untuk memberi keterangan atau menyediakan laporan kepada mahkamah. Kesedaran mengenai prosedur mahkamah dan peranan individu lain dalam sistem keadilan dapat membantu meringankan kegelisahan yang sering

mengiringi bidang amalan ini dan tindakan membuat hubungan dengan penasihat undang-undang melancarkan lagi proses undang-undang. Pengetahuan berkenaan sistem mahkamah membolehkan pekerja sosial berupaya memberi nasihat dan sokongan kepada klien yang menghadapi prosiding mahkamah (Ralph 2012). Di Malaysia, kerajaan sudah mula menyedari bahawa undang-undang kerja sosial seharusnya memastikan perkhidmatan sosial disediakan kepada semua yang memerlukan terutamanya kumpulan sasar. Bagi memantapkan lagi perkhidmatan sosial ini, mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju supaya Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) yang ditubuhkan pada 2016 diaktifkan semula sebagai badan induk penyelarasan dasar dan program perlindungan sosial bagi memperkasakan sistem perlindungan sosial negara.

Pekerja sosial juga perlu membuat pertimbangan nilai dan etika dalam amalan praktis seharian mereka berdasarkan keperluan nilai yang ditetapkan oleh Majlis Pusat Pendidikan dan Latihan Kerja Sosial (CCETSW). Pilihan dan keputusan ini juga mesti dibuat selaras dengan dasar, prosedur dan undang-undang. Akta profesion kerja sosial begitu penting kepada pekerja sosial kerana terdapatnya rangkaian tugas dan kuasa untuk pekerja sosial serta memberikan pemahaman mendalam berkenaan undang-undang untuk amalan kerja sosial yang berkesan (Brammer, 2010). Tanpa pemahaman undang-undang, pekerja sosial mungkin tidak dapat membuat keputusan atau pilihan yang baik ketika melakukan amalan praktis. Kod etika yang dinyatakan oleh The National Association of Social Workers (2013) menyatakan bahawa pekerja sosial seharusnya menggalakkan kebajikan umum masyarakat dari tahap tempatan ke peringkat global dan pembangunan masyarakat, komuniti dan persekitaran mereka. Melalui pengetahuan sistem undang-undang, pekerja sosial berupaya untuk mengawal konflik yang timbul di antara nilai peribadi dan sifat profesional mereka. Pengetahuan undang-undang adalah sangat penting untuk amalan kerja sosial dan kegagalan untuk memahaminya boleh menyebabkan seseorang pekerja sosial didakwa oleh klien yang merasakan kehidupan mereka terjejas akibat aktiviti praktis yang bertentangan dengan akta professional (Stein, 1893).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini telah menggunakan metod penyelidikan kualitatif melalui pendekatan fenomenologi untuk mendapatkan maklumat yang terperinci berkenaan isu akta profesion kerja sosial ini. Kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Insitut Sosial Malaysia sebagai agensi yang terletak di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat telah menjadi informan dalam kajian ini. Lima orang informan telah dipilih melalui teknik persampelan bertujuan atau *purposive sampling*. Pengkaji telah menemubual informan pada 19 Julai 2019 dan borang perakuan untuk informan terlibat dalam kajian ini telah ditandatangani oleh mereka. Soalan temubual semi berstruktur telah dijadikan instrumen utama untuk menjawab



objektif kajian yang telah ditetapkan. Kaedah bracketing iaitu kaedah yang memerlukan pengkaji mendengar segala pengalaman informan tanpa dipengaruhi oleh tanggapan umum pengkaji telah digunakan dalam mendapatkan maklumat berkenaan isu akta kerja sosial ini.

Prosedur pengumpulan data dimulakan dengan pemilihan informan berdasarkan dua kriteria utama iaitu informan perlu mempunyai pengalaman berkhidmat dalam bidang kerja sosial selama 10 tahun ke atas dan gred perjawatan informan terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 - 48). Justifikasi utama pengkaji menetapkan dua kriteria itu adalah untuk mendapatkan intipati temubual yang mendalam serta berlandaskan apa yang berlaku dalam industri melalui pengalaman mereka dalam bidang kerja sosial. Jemputan temubual telah diedarkan oleh pengkaji kepada pengarah setiap agensi dan seterusnya kepada informan. Sesi temubual telah berlangsung selama satu jam di JKM dan ISM serta segala data yang dikumpul telah direkod secara elektronik. Setiap informan telah diberikan nama samaran yang dilabel dengan abjad untuk melindungi identiti mereka. Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji berpandukan kod etika APA yang digariskan oleh Persatuan Psikologi Amerika yang memerlukan pengkaji mendapatkan persetujuan daripada informan yang melibatkan beberapa perkara tertentu. Antaranya informan kajian mesti diberitahu dengan jelas tentang jenis kajian yang dijalankan, segala persetujuan mesti didokumentasikan, serta matlamat kajian boleh disembunyikan hanya apabila perlu demi menjaga integriti kajian.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

**Jadual 1.1: Demografi Informan**

<b>Informan</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Kelulusan Akademik</b>	<b>Tempoh pengalaman dalam bidang kerja sosial</b>	<b>Lokasi Pejabat</b>
A	Ketua Penolong Pengarah	Sarjana Sains Kemasyarakatan (Kerja Sosial)	16 tahun	Bahagian Perancangan dan Pembangunan, JKM Putrajaya
B	Ketua Penolong Pengarah	Sarjana Psikologi Perkembangan	17 tahun	Bahagian Kawalan Standard JKM Putrajaya
C	Ketua Penolong Pengarah	Sarjana Sains (Pembangunan Komuniti)	17 tahun	Bahagian Komuniti, JKM Putrajaya
D	Ketua Kluster Pembangunan Sosial	Sarjana Muda Sains Pembangunan Manusia	16 tahun	Institut Sosial Malaysia (ISM), Sungai Besi, Kuala Lumpur
E	Penolong Pengarah Kanan	Sarjana Muda Sains Pembangunan Manusia	12 tahun	Bahagian Perancangan dan Pembangunan, JKM Putrajaya

### Perspektif Kepentingan Akta Profesion Kerja Sosial di Malaysia

#### **Akta profesion kerja sosial sebagai medium mengukuhkan keadilan sosial**

Pengetahuan pekerja sosial mengenai undang-undang profesion dan peruntukan perkhidmatan sangat penting dalam memberi kuasa kepada pengguna perkhidmatan. Memberikan perkhidmatan dengan adil tanpa diskriminasi individu merupakan prinsip utama yang harus difahami oleh pekerja sosial. Oleh itu, sangat penting bagi pekerja sosial untuk berkhidmat dalam suasana yang bersifat anti-penindasan. Amalan anti-penindasan bermaksud ketidakseimbangan kuasa dan berusaha untuk mempromosikan perubahan untuk mengatasi keseimbangan kuasa. Informan menyatakan:

*“Akta kerja sosial sudah tentu diteliti dengan prinsip kerja sosial, jadi kalau kita tengok kadar kemiskinan di Malaysia semakin tinggi. Saya harap akta kerja sosial dapat menguatkuasakan arahan dalam memperuntukkan pertolongan dan bantuan, jangan ada individu yang tertinggal dalam dapatkan bantuan, akta ni sedikit sebanyak dapat tolong individu yang ditindas dalam menerima bantuan”* (IA, IB, IC, ID)

*“Kalau kita tengok keluarga dan individu yang kita bantu ada yang sama sahaja tahap kehidupan mereka, bantuan dah diberi tapi tetap sama. Jadi dengan akta kerja sosial ni harap dapat bagi peluang sama rata kepada mereka yang tak mampu untuk improve kehidupan macam mencadangkan kepada kerajaan bagi program peningkatan pendapatan”* (IB, IC, IE)

*“Selalu kita dengar bila bantuan dah diluluskan, bukan semua orang dapat. Perkara ni nampak sangat tak adil, ada golongan tertindas, jadi bila masyarakat mengadu tak dapat bantuan dan sebagainya, maka pekerja sosial boleh menggunakan akta untuk menggesa pihak berkaitan untuk agih peruntukan dengan adil”* (IA, IB, IC, IE)

### **Akta memberi pengetahuan dalam melakukan praktis dan perlindungan pekerja sosial**

Akta berfungsi sebagai medium untuk memandu kepada amalan profesion kerja sosial. Tambahan pula, akta menetapkan perkara yang boleh dilakukan dan tidak boleh dilakukan menurut undang-undang. Oleh itu, kewujudan akta kerja profesion kerja sosial membantu para pekerja sosial untuk terus memahami akan etika dan berkhidmat di atas kapasiti sebagai seorang pekerja sosial. Kesannya, pekerja sosial akan berkhidmat tidak melebihi daripada peruntukan akta dan mempunyai pengetahuan untuk melindungi diri sekiranya mengalami ketidakadilan semasa berkhidmat. Hal ini bermaksud akta bukan sahaja melindungi klien tetapi melindungi pekerja sosial juga. Informan menyatakan:

*“Akta ni win-win situation, dia akan jaga klien dengan pekerja sosial. Contohnya masa praktis, pekerja sosial tu dia diserang oleh keluarga klien atau organisasi memberikan beban tugas yang terlalu banyak, kalau dia rasa diri teraniaya boleh rujuk akta”* (IA, IB, IC, ID)

*“Kadang-kadang skill pekerja sosial ni kena upgrade, ada juga sesetengah pekerja sosial, pegawai kebajikan tak ambil berat sangat S.O.P perkhidmatan,*

*jadi akta boleh bertindak sebagai refreshment kepada pekerja untuk terus berkhidmat on-track* “(IB, IC, ID, IE)

### **Akta membantu kerajaan dalam menguruskan isu atau permasalahan sosial**

Sebagaimana yang telah diketahui umum, profesion kerja sosial tidak terhad kepada perkhidmatan kebajikan sahaja malah meningkatkan kefungsiian sosial masyarakat. Akta profesion kerja sosial sudah tentu dibina berdasarkan prinsip dan amalan dalam kerja sosial itu sendiri. Apabila akta profesion kerja sosial telah diwartakan maka tugas dalam menyelesaikan isu sosial tidak bergantung kepada bahu kerajaan semata-mata, malah boleh memberikan punca kuasa kepada NGO dan pekerja sosial persendirian dalam membantu kerajaan. Kesannya, amalan praktis kerja sosial jelas dilihat dalam kalangan masyarakat dan mereka mempunyai alternatif dalam mendapatkan perkhidmatan sosial. Informan menyatakan

*“Satu isu yang saya perasan bila student kerja sosial dah habis belajar, ilmu praktis mereka hilang bila bekerja bukan dalam bidang sosial, jadi akta kerja sosial wajar peruntukan jawatan pekerja sosial dan paling penting student kerja sosial boleh bantu atau cegah masalah sosial. Di sini kita nampak beban kerajaan tak letak pada JKM, JAKOA, dan sebagainya”* (IA, IB, IC, ID, IE)

*“Setiap tahun boleh tengok banyak student social work graduate dari UKM, USM, UUM misalnya, tapi perjawatan sangat limited dalam bidang ni. Jadi bila dah ada peruntukan jawatan pekerja sosial, student boleh join NGO untuk upgrade skill mereka”* (IB, IC, ID, IE)

*“Bila sebut aktiviti bantuan, kebajikan mesti ingat JKM, LPPKN, dan lain-lain. Jadi akta kerja sosial ni berfungsi untuk ringankan beban kerajaan tempatan dalam selesaikan masalah sosial. Perkongsian kuasa di antara pekerja sosial persendirian yang diwakili oleh pelajar, NGO dengan kerajaan mampu untuk selesaikan isu sosial”* (IA, IB, ID, IE)

### **Akta sebagai medium pengukuhan program pendidikan kerja sosial yang bersepadu**

Selaras dengan imej kerja sosial yang bersifat profesional, informan kajian menyatakan kewujudan akta profesion kerja sosial berupaya untuk mengukuhkan kurikulum yang bersepadu secara langsung membantu pembangunan profesion kerja sosial di Malaysia. Menerusi temubual, informan kajian menyatakan empat perkara dalam program pendidikan kerja sosial harus ditumpukan dalam memastikan akta kerja sosial relevan dengan bidang pendidikan. Empat perkara yang dinyatakan adalah memaksimumkan masa internship pelajar, mewujudkan diploma kerja sosial, pengukuhan soft-skil terhadap pelajar, dan kolaborasi agensi sosial dalam pengajaran

dan pembelajaran di institut pengajian tinggi awam. Kesannya, pembangunan profesion kerja kerja sosial dapat dilaksanakan dan kerajaan melihat kesungguhan untuk memartabatkan profesion ini. Informan menyatakan:

*“Saya harap bila akta kerja sosial dah lulus, tempoh latihan prkatikal ni kita maksimumkan jadi sampai 6 bulan paling lama atau lebih, baru pelajar boleh kenal profesion kerja sosial di luar. Sebelum ada akta kerja sosial, pelajar kena tahu deal dengan law dalam kajian kes, so they can gain more experience. Then, soft skill pelajar pon kena tip top, boleh jugak kita cadangkan diploma kerja sosial untuk kasi faham sikit apa itu kerja sosial peringkat awal” (IA, IC, ID)*

*“Ya nak bangunkan akta bukan mudah dan nak kekalkan kandungan akta pon bukan mudah. Program pendidikan kerja sosial misalnya kena main peranan contohnya panjangkan lagi tempoh intern pelajar untuk lalui semua fasa, diploma social work pon boleh dicadangkan macam program lain, jemput agensi sosial macam JAKOA, PERKESO, dan lain-lain untuk terlibat dalam P n P, barulah kerajaan nampak usaha kita untuk martbatkan kerja sosial” (IA, IB, IE)*

*“Pada tanggapan saya, kita kena fokus empat benda ni untuk mantapkan akta kerja sosial sekaligus program pendidikan social work tak ketinggalan. Contohnya, kita wujudkan diploma kerja sosial sebab nak inforam Malaysian peringkat awal, what is social work?,then maksimumkan tempoh internship dari 6 bulan ke 9 bulan macam tu, ada modul konsep insaniah khas untuk aplikasi praktis kerja sosial, lastly kita jemput pihak luar datang mengajar di IPTA, baru kerajaan nampak social work ni setaraf kursus profesional lain” (IA, IB, IC, ID, IE)*

### **Akta mengawal selia kelayakan jawatan pekerja sosial**

Tidak dinafikan, terdapat isu apabila perjawatan di dalam bidang kerja sosial seperti jawatan pekerja sosial perubatan dan kesihatan, perjawatan dalam agensi jabatan kebajikan masyarakat, dan sebagainya dibuka kepada graduan yang tidak mempunyai kelayakan akademik dalam bidang kerja sosial. Kesannya, akta kerja sosial tidak berupaya atau tidak jelas dalam memandu kepada amalan praktis kerja sosial. Informan mengharapkan akta kerja sosial dapat bertindak tegas dalam mengambil graduan lepasan kerja sosial sahaja untuk memohon jawatan pekerja sosial. Sekiranya tindakan ini tidak dilaksanakan, imej profesion kerja sosial gagal difahami dan

kesannya graduan tidak berupaya menunjukkan amalan praktis dengan berkesan di dalam pekerjaan. Informan menyatakan:

*“Dari segi keperluan bukan semua student kerja sosial dapat kerja dalam kerja sosial, akta kerja sosial boleh tengok benda ni”* (IA, IB, IC, ID)

*“10 % sahaja student kerja sosial terlibat dalam bidang kerja sosial menurut Persatuan Pekerja Sosial Malaysia. Kita tahu kerja sosial ni agensi terbesar yang offer kerja adalah JKM, AADK, Penjara, Jaqoa. Tapi dari segi penawaran jawatan tu tak mengambil kira kelulusan kerja sosial”* (IB, ID, IE)

*“Kita kena ada satu akta sebenarnya untuk kawal perjawatan kerja sosial, dari segi kemahiran atau kompetensi. Sebab yang menjalankan kerja-kerja intervensi ini bukan daripada social work backgroundkan?Maknanya kalau yang kursus pembangunan manusia tu ada kaitanlah dengan manusia. Kalau yang tidak berkaitan macam mana skill diorang nak uruskan kes?”* (IA, IB, IC, ID, IE)

## **PERBINCANGAN**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pembangunan pendidikan kerja sosial di Malaysia melalui isu kepentingan akta profesion kerja sosial. Kajian ini sangat penting kerana pendidikan kerja sosial di Malaysia akan melalui proses transformasi apabila akta pekerja sosial dikuatkuasakan dan dalam masa yang sama perlu menghadapi cabaran pengantarabangsaan pendidikan kerja sosial. Kajian ini memfokuskan kepada persepsi dan idea-idea yang diberikan oleh pihak berkepentingan (*stakeholder*) berkaitan dengan pembangunan pendidikan kerja sosial di institusi pengajian tinggi dengan meneroka pelbagai isu konkrit. Kajian ini sangat penting untuk mengurangkan jurang pengetahuan (*gap of knowledge*) pembangunan pendidikan kerja sosial yang memfokuskan kepada pembangunan pendidikannya dalam kalangan negara-negara membangun agar mudah untuk difahami dalam konteks pentadbiran negara yang berbeza-beza.

Menerusi perbincangan bersama informan kajian, terdapat lima perspektif utama berkenaan kepentingan akta profesion kerja sosial di Malaysia. Berdasarkan perspektif mereka, jelas menunjukkan mereka mempunyai justifikasi dan kefahaman yang tinggi berkenaan kepentingan akta profesion kerja sosial di Malaysia. Melalui perspektif pertama iaitu akta berfungsi sebagai medium pengukuhan keadilan sosial, keadaan ini jelas menunjukkan mereka sangat menitikberatkan konsep keadilan sosial terhadap masyarakat. Melalui pembentukan akta kerja sosial, sekaligus dapat menghindarkan atau meminimumkan isu diskriminasi mahupun penindasan dalam segala aspek termasuk pengagihan bantuan dan sebagainya. Perspektif ini sangat

bertepatan dengan kajian oleh Brammer (2010) iaitu akta profesion kerja sosial mempunyai persamaan dengan Hak Asasi Manusia 1998 dalam memberikan peluang untuk mempromosikan amalan anti-diskriminasi. Perspektif kedua pula merupakan akta sebagai medium pengetahuan dalam melakukan praktis dan perlindungan pekerja sosial. Keadaan ini menggambarkan bahawa seorang pekerja sosial harus mempunyai pengetahuan bukan sahaja semasa melakukan praktis bahkan dalam melindungi diri mereka. Tambahan pula, mereka dilindungi oleh akta dalam memastikan hak mereka sebagai pekerja sosial terbela. Kajian oleh MacDonald (2010) sangat selari dengan perspektif ini di mana sebagai sebuah profesion, kerja sosial perlu mempunyai akta yang khusus bagi menjaga kepentingan profesion termasuk ahli yang melaksanakan perkhidmatan.

Akta membantu kerajaan dalam menguruskan isu atau permasalahan sosial merupakan perspektif ketiga yang telah dinyatakan oleh informan kajian. Menurut mereka, tugas kerajaan dalam mengawal masalah sosial dan pengagihan sumber kebajikan seharusnya dipikul bersama oleh graduan kerja sosial yang semakin ramai di Malaysia. Pernyataan ini sangat menyokong kenyataan oleh Ralph (2012) iaitu pekerja sosial profesional juga boleh terlibat dalam beberapa aktiviti yang tidak pernah dilakukan oleh pihak berwajib seperti memberikan pinjaman pendidikan kepada pelajar yang kurang berkemampuan. Manakala menerusi perspektif keempat iaitu akta sebagai medium pengukuhan program pendidikan kerja sosial bersepadu, mereka menyifatkan peningkatan bilangan universiti awam yang menawarkan program kerja sosial tidak mempunyai garis panduan kebangsaan seterusnya mewujudkan ketidakseragaman penawaran program. Malahan, kurikulum sedia ada berpandukan pengalaman pensyarah dan syarat minimum yang telah ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia di bawah bidang sains sosial. Kenyataan oleh informan kajian ini sangat selari dengan pendirian oleh Crabtree (2005) iaitu ketiadaan akta menyebabkan kepelbagaian kurikulum menyebabkan struktur akademik kerja sosial kurang jelas serta masyarakat tidak memahami apakah fungsi tugas bidang kerja sosial yang sebenarnya. Perspektif yang terakhir adalah akta mengawal selia kelayakan jawatan pekerja sosial. Kenyataan informan ini merujuk kepada ketiadaan jawatan spesifik sebagai pekerja sosial dan skim perkhidmatan sosial yang ditawarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat menerima graduan yang tidak berkelayakan bidang kerja sosial. Sudah tentu, situasi tersebut membimbangkan khususnya kepada bidang kerja sosial kerana graduan yang tidak mempunyai ilmu dalam bidang ini tidak dapat mempraktikkan ilmu dan kemahiran berkaitan kerja sosial. Akta kerja sosial dilihat sebagai medium utama dalam mengetatkan syarat kelayakan untuk menjadi pekerja sosial dan menjawat skim perkhidmatan sosial yang lain. Bidang kerja sosial mengkehendaki pengetahuan dan kemahiran yang spesifik bagi membolehkan seseorang berfungsi sebagai pekerja sosial yang efektif (Gambrill, 2012).

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, Akta Profesion Kerja Sosial memberi pengiktirafan tertinggi kepada bidang kerja sosial di Malaysia apabila langkah tersebut dijangka menyaksikan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan memberikan fokus kepada skop tugas pekerja sosial. Akta kerja sosial juga menyediakan kerangka bagaimana seorang pekerja sosial harus bertindak ketika menjalankan praktis melalui pengetahuan yang dimiliki oleh mereka serta menjadi punca kuasa dan memandu kepada amalan profesion kerja sosial itu sendiri. Berpandukan kajian Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) yang dijalankan mulai 26 November 2018 hingga Jun 2019, nisbah pekerja sosial di JKJ berbanding populasi penduduk Malaysia adalah 1:8,576. KPWKJ menyifatkan nisbah tersebut adalah besar jika dibandingkan dengan negara-negara lain seperti 1:490 di Amerika Syarikat, 1:1,040 di Australia, 1:3,025 di United Kingdom dan 1:3,448 di Singapura. Oleh itu, Akta Profesion Kerja Sosial sangat wajar diperkenalkan di Malaysia dalam mengukuhkan keberkesanan perkhidmatan pekerja sosial agar bertepatan dengan cabaran gejala sosial yang semakin kompleks. Melalui perspektif informan kajian, mereka bersepakat menyatakan akta berfungsi sebagai medium mengukuhkan keadilan sosial, memberi pengetahuan dalam melakukan praktis dan perlindungan pekerja sosial, akta membantu kerajaan dalam menguruskan isu atau permasalahan sosial, akta sebagai medium pengukuhan program pendidikan kerja sosial yang bersepadu, dan akta mengawal selia kelayakan jawatan pekerja sosial. Jelas, kefahaman yang diutarakan berpandukan pengalaman mereka berkhidmat dalam bidang kerja sosial ini. Oleh itu, sokongan sosial dan inisiatif para pentadbir, penggubal polisi, pendidik, dan pekerja sosial dalam mengukuhkan keberkesanan akta profesion kerja sosial ini harus konsisten untuk memastikan akta ini terus berfungsi sebagai agen utama kemajuan profesion kerja sosial di Malaysia.

## RUJUKAN

- Abbott, A. D. (1988). *The system of professions: An essay on the division of expert labour*. Chicago: University of Chicago Press.
- Albert, J., & Francois, W. E. (1986). Oxford: Oxford University Press.
- Barsky, A. E. (2015). *Social work and the law refers to the interface between the practice of social work and the legal system*. New York: Ayer Company Pub.
- Brammer, A. (2010). *Social work law*. University of Nevada, Las Vegas: Thomson Wadsworth.
- Crabtree, S. A. (2005). Medical social work in Malaysia: Issues in practice. *International Social Work*, 48(6), 732-741.
- Gambrill, E. (2012). *Social work practice: A critical thinker's guide*. Oxford University Press.
- International Federation of Social Workers, International Association of Schools of Social Work, & International Council on Social Welfare. (2014). The global



- agenda for social work and social development: Commitment to action. *Journal of Social Work Education*, 48(4), 837-843.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2017). Piawaian kompetensi kebangsaan praktis kerja sosial di Malaysia. Putrajaya: JKM
- MacDonald, A. (2010). *Globalization and the regulation of social work practice in Canada*. Nasional Associations of Social Workers. London: Prentice Hall
- Ralph, D., (2012). *Understanding social welfare*. New York, NY: Harper & Row.
- Stein, F. (1893). *The private knowledge of the judge: Investigations on the law of proof of both processes*. London: Constable.
- Steiner, H. J., Alston, P., & Goodman, R. (2008). *International human rights in context: law, politics, morals: text and materials*. Oxford: Oxford University Press, USA.
- Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) (2019). Laporan Tahunan. Putrajaya.